

## MRT Laluan SBK hadiah untuk rakyat Selangor

**KUALA LUMPUR 17 Julai** - Projek Transit Aliran Massa (MRT) yang siap dilaksanakan disifatkan sebagai suatu hadiah untuk rakyat terutama di Selangor.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar berkata, ini kerana daripada 31 stesen laluan Sungai Buloh-Kajang, majoriti terletak di Selangor.

"Rakyat Selangor perlu sedar dan bersyukur dengan pembinaan sistem pengangkutan awam moden oleh kerajaan Barisan Nasional (BN) yang mula beroperasi hari ini kerana pengangkutan awam ini turut memberi manfaat kepada mereka.

"Walaupun Selangor di bawah pemerintahan pembangkang, namun perkara itu diketepikan demi pembangunan dan kesejahteraan rakyatnya," katanya dalam majlis perasmian MRT Fasa Kedua Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) di Stadium Kajang dekat sini hari ini.



**NOH OMAR**

Beliau yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor berkata, pembangunan yang dilancarkan hari ini adalah 'Kajang Move' yang sebenarnya dan bukan seperti yang dilakukan pembangkang sebelum ini.

Beliau seterusnya menzahirkan ucapan tahniah kepada kerajaan kerana dengan adanya kemudahan pengangkutan awam

itu masyarakat bandar dapat hidup dengan lebih sejahtera, malah kesesakan lalu lintas dapat dikurangkan selain berupaya mengembangkan ekonomi dalam kawasan bandar.

"Saya pernah tertanya-tanya adakah Malaysia mampu mempunyai sistem pengangkutan bawah tanah seperti di London semasa melihatnya pada awal tahun 80-an, tetapi hari ni terbukti bahawa negara kita adalah terbaik dan membangun dalam aspek pengangkutan awam," tambahnya.



**PERKHIDMATAN** tren MRT secara percuma sehingga pukul 12 tengah malam semalam dari Stesen Muzium Negara ke Kajang telah menarik minat ramai untuk mencuba pengangkutan awam yang serba moden dan selesa.